

## SIARAN MEDIA Untuk Siaran Segera

# MEMPERKENALKAN GULA SUPER, TAMBAHAN KEMANISAN KEPADA RANGKAIAN PRODUK IKONIK GULA PRAI

*Produk premium dan berkualiti tinggi untuk seluruh rakyat Malaysia*

**KUALA LUMPUR, DISEMBER 6, 2023** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka negara "Gula Prai", dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran rasmi produk terbaharunya kepada barisan produk-produk Gula Prai yang dikenali sebagai Gula Super.

Gula Prai ialah jenama ikonik Malaysia keluaran tempatan, dihasilkan di kilang penapisan MSM di Prai, Pulau Pinang dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.05 juta tan gula bertapis yang merupakan kilang penapisan gula terbesar di Malaysia, dan di Tanjung Langsat, Johor dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1 juta tan gula halus.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "MSM telah menjadi pemain utama dalam industri gula tempatan sejak 1964. Pengenalan produk premium baharu kami, Gula Super ini sememangnya tepat pada masanya memandangkan kami akan meraikan ulang tahun yang ke-60 tahun depan. Produk Gula Super ini melambangkan bukti keupayaan penapisan kami yang luar biasa, bertaraf dunia dan kami sentiasa memastikan pengeluaran produk berkualiti tinggi untuk pengguna kami. Gula yang tinggi ketulenannya dengan kualiti luar biasa adalah untuk penggemar *F&B* dalam masakan, bakeri dan kuih-muih antara lainnya."

"Gula Super telah berada di seluruh negara sejak Mei tahun ini pada harga runcit yang disyorkan RM4.60 untuk pek 1kg. Jenama Gula Prai sendiri telah mencapai penembusan pasaran sebanyak 68% dan menduduki tempat ketiga sebagai pilihan pengguna paling popular di Malaysia untuk jenama *FMCG* menurut syarikat cerapan data terkemuka Kantar dalam laporan *Asia Brand Footprint 2021 dan 2022* mereka. Pelancaran Gula Super bukan sahaja memberi pilihan kepada pengguna tetapi kami optimis ia akan mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran dalam gula bertapis di Malaysia," tambah Syed Feizal.

Pengeluaran dan pembekalan Gula Prai sedia ada yang juga dikenali sebagai Gula Peket Hijau adalah mencukupi sebagaimana mandat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Selain itu, Gula Super akan menjadi pilihan terbaik untuk pengguna



di Malaysia kerana harganya ditentukan oleh pasaran, dan bukannya tertakluk kepada harga terkawal.

Di tengah-tengah persekitaran mencabar yang berpanjangan dengan kos input yang tinggi disebabkan peningkatan kos gula mentah, kos pengangkutan dan gas asli serta kelemahan Ringgit Malaysia, industri gula tempatan kekal berdaya tahan. Harga siling yang ditetapkan kerajaan kekal tidak berubah dan tanpa subsidi sejak 10 tahun lalu.

Pada masa ini, harga terkawal gula Malaysia adalah yang paling murah di rantau ini dan dunia mewakili anomali dalam ekonomi. Oleh itu, banyak negara lain di rantau ini telah menaikkan harga gula seperti Indonesia dan Thailand untuk mengatasi kos input yang tinggi.

“Di sebalik cabaran ini, jualan Gula Super yang dilancarkan pada Mei tahun ini telah menyumbangkan hasil tambahan kepada syarikat dengan hanya kira-kira 1,000 tan pada bulan Mei, sehingga kini permintaan dan pengeluaran stabil antara 4,000 hingga 6,000 tan sebulan. Oleh itu, majlis pelancaran ini menandakan kesediaan Kumpulan MSM untuk memenuhi permintaan Gula Super di seluruh Malaysia dan kami optimis ia akan terus menyumbang secara positif kepada kewangan MSM pada suku tahun akan datang,” Syed Feizal berkata.

Pada Januari 2023, MSM mengumumkan bahawa 100% gula mentah dalam produk jenama Gula Prai diperolehi daripada Inisiatif Gula NDPE Wilmar. Inisiatif Gula NDPE (Tiada Penebangan Hutan dan Tiada Eksploitasi Manusia) bercita-cita untuk menjadikan pengeluaran tebu mampan alam sekitar dan meningkatkan taraf hidup penduduk yang terlibat. MSM bekerjasama dengan Wilmar Sugar Pte Ltd., untuk memacu kemajuan dalam meningkatkan kemampanan dalam pengeluaran gula.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula negara terkemuka dan antara 10 penapis gula terbaik di dunia, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi untuk memastikan keselamatan makanan Malaysia dan kemampanan industri gula tempatan.

**-TAMAT-**



## **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2022, MSM mengeluarkan sebanyak 946,834 tan gula bertapis, di mana 230,903 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM598 juta setakat 30 Disember 2022. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

## **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

## **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)